

# UMS perkasa bidang tenusu melalui Eco-Farm

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memperkasa bidang pertanian Eco-Farm di Keningau sebagai tempat latihan dan manfaat para usahawan pertanian dan pelajarnya.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tun Zaki Tun Azmi berkata bidang pertanian akan menjadi salah satu bidang tujahan yang akan diperkasakan di peringkat UMS.

“Pemeriksaan bidang pertanian akan menggalakkan lebih ramai anak muda tempatan untuk menceburi bidang pertanian sebagai ruang untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan mengkhusus kepada bidang tenusu dan yang berkaitan.

“Semoga melalui usaha ini, kita mampu menambah sumber penajaan kepada UMS melalui agro pelancongan dan jualan hasil



**JUHAR dan Norlidah (tengah) memotong kek sempena Pesta Kaamatan 2016.**

pertanian dan sekali gus akan menjadi model contoh Eko-Farm kepada pengusaha pertanian dan komuniti di Keningau dan Tambunan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Negeri

Sabah Tun Dr Haji Juhar Haji Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Hajah Norlidah RM Jasni, di Istana Negeri, kelmarin.

Zaki turut memperkenalkan lima ahli lembaga yang dilantik semula untuk tempoh dua tahun bermula April lepas hingga tahun 2018 terdiri

daripada pelbagai agensi kerajaan agar dapat berkongsi pengalaman dan memberi pendedahan kepada para pelajar universiti berkenaan.

Terdahulu, Juhar menerima kunjungan hormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan dan Kordinasi Program Kaamatan (MICC) Datuk Seri Panglima



**ZAKI (kiri) serta ahli Lembaga Pengarah UMS merakamkan gambar kenangan bersama Juhar (dua kiri).**

Clarence Bongkos Malakun dan rombongan.

Menurut Clarence, kunjungan itu bertujuan menjemput Juhar sebagai tetamu kehormat pada Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah 2016 di Dewan Hongkod Koisaan (KDCA) Penampang pada 31 Mei ini.

Sementara itu, Pegawai Khas Majlis Warisan Budaya, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi Pelaksana Unduk Ngadau, Joanna Kitingan berkata pada tahun ini seramai 44 Unduk Ngadau termasuk dua dari Libaran dan Karambunai

akan bertanding dalam pertandingan akhir peringkat negeri.

Antara hadiah lumayan yang akan ditawarkan kepada pemenang adalah johan RM6,000, naib johan RM4,000 dan tempat ketiga RM3,000 beserta hadiah sampingan.